

07 AUG 2002

Ling-Majlis/I

TIADA MASALAH DENGAN SENARAI ANGGOTA MAJLIS, KATA DR LING

PUTRAJAYA, 7 Ogos (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau tidak nampak sebarang masalah dengan senarai nama anggota yang bakal dilantik sebagai anggota majlis di Selangor.

"Saya tidak nampak sebarang masalah besar. Saya rasa semua bahagian sudah pun mengemukakan senarai nama mereka (kepada jawatankuasa untuk meluluskannya)," katanaya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementerianannya di sini, hari ini.

Walaupun terdapat formula damai yang mencadangkan supaya dilaksanakan status quo dalam MCA, Dr Ling berkata negeri atau bahagian boleh mempunyai formula kestabilan mereka sendiri dan ia harus dihormati.

Menurutnya sesetengahnya sudah bersara manakala yang lain digilirkan mengikut formula kestabilan dalam MCA.

"Mana boleh jadi anggota majlis selama-lamanya. Kita bersetuju bahawa setiap dua tahun kita akan tukar (anggota majlis). Inilah formula kestabilan kita," katanya.

Menurut laporan akhbar, beberapa anggota MCA bimbang senarai nama bakal anggota majlis Selangor dari MCA mungkin mencetuskan sikap berpuak-puak dalam parti.

Sesetengahnya berkata syarat-syarat status quo di bawah rancangan damai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah bagi semua jawatan dalam MCA termasuk anggota majlis.

Mengenai isu menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar matapelajaran Sains dan Matematik di sekolah-sekolah Cina, Dr Ling berkata ia tidak dibincangkan pada mesyuarat kabinet hari ini dan oleh itu memberikan ruang kepada pemimpin-pemimpin MCA untuk menyelidik kehendak sebenar kaum Cina.

"Apa yang kami mahu lakukan biarlah mengikut jalan betul. Siasatan yang dijalankan adalah sampai kita berpuas hati, kita buat apa yang betul," katanya.

MCA mahu menetapkan satu tarikh agar semua parti berasaskan Cina dalam Barisan Nasional (BN) dapat berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai pelbagai perkara.

-- BERNAMA

MSL AHH ABG NAK